Karya Serius *vs* Karya Popular: Persoalan Gaya dan Ideologi

Mohammad Fadzeli Jaafar
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusian
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, polemik di antara karya serius dengan karya popular telah mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji dan peminat sastera di Malaysia. Sering kali perdebatan tertumpu pada konsep dan status kedua-dua karya serius dan popular. Karya serius dikaitkan dengan fungsi intelektual dan estetika, sementara karya popular sering menonjolkan aspek estetika sahaja. Makalah ini membincangkan isu tersebut dan akan dihubungkan dengan persoalan gaya dan ideologi. Perbincangan berdasarkan kerangka gaya fikiran oleh Umar Junus (1989:192): (i) ideologi yang dipersembahkan oleh pengarang apabila ia memilih gaya yang tertentu, dan (ii) ideologi yang dapat dikesan berdasarkan penggunaan gaya teks yang tertentu. Dalam perkataan lain, ideologi yang pertama merujuk kepada pengarang dan period, manakala ideologi kedua merujuk kepada teks, yang dihubungkan dengan *hermeneutics* atau intertekstual. Makalah ini menggunakan beberapa novel popular dan akan membandingkannya dengan karya serius, misalnya *Salina* oleh A. Samad Said. Analisis tertumpu pada bab pertama kerana bab ini dapat menggambarkan sikap atau sudut pandangan pengarang. Berdasarkan pemerhatian, pengarang karya serius cenderung menggunakan ayat kompleks, untuk dihubungkan dengan gaya yang kompleks. Gaya naratif juga digunakan untuk menunjukkan wawasan tentang isu nasional, misalnya kemerdekaan. Hal ini berbeza dengan karya popular yang menggunakan ayat selapis dengan cerita tentang golongan remaja. Hasil kajian ini akan menyumbang terhadap gaya dan ideologi untuk kedua-dua karya serius dan popular.

Kata kunci: gaya fikiran, ideologi, intertekstual, teks

Abstract

In the past few years, the polemics between the serious and popular fiction have been getting the attention of researchers and fans of literature in Malaysia. Often the debates are focused on the concept and the status of both serious and popular fiction. Serious fictions are associated with intellectual function and aesthetics while popular works often highlight the aesthetics aspects only. This paper discusses the above mentioned issues and will be linked to questions of style and ideology. The discussion is based on the framework of mind style by Umar Junus (1989:192): (i) the ideology that was produced by the writer when he chooses to use a particular style, and (ii) the ideology that is detected in the use of a particular style of text. In other words, the first ideology refers to the writer and period, while the second ideology refers to the text, which is related to hermeneutics or

intertextual. This paper uses several popular novels and will compare them with the serious work, such as Salina by A. Samad Said. The analysis focuses on the first chapter because it reflects the attitude or point of view of the author. Based on my observation, the writer of serious fiction tends to use the complex sentences, to associate with complex styles. Narrative style is also used to show the vision of national issues, such as independence. This is in contrast with popular fictions that use simple sentences with stories about youth. The results of this study contributes towards the style and ideology of both serious and popular works.

***Keywords**: mind style, ideology, intertextual, text*

Pendahuluan

Gaya dapat berhubungan dengan idelogisasi pada teks tertentu dan mungkin juga berhubungan dengan makna di luar teks. Gaya yang pertama disebut sebagai fenomena intratekstual, tetapi memandangkan sesuatu teks itu tidak mungkin dapat berdiri sendiri sebagai suatu teks yang terpisah daripada teks-teks lainnya, maka diperlukan gaya kedua untuk menjelaskan ideologi pengarang. Bersesuaian dengan hakikatnya yang berhubungan dengan makna di luar teks, maka gaya yang kedua disebut sebagai fenomena intertekstual. Dalam perkataan lain, gaya intratekstual merujuk kepada gaya khusus sesuatu teks – milik peribadi pengarang, sementara gaya intertekstual merujuk kepada gaya di luar teks – perbandingan dengan teks lain. Kedua-dua fenomena intratekstual dan intertekstual ini dilihat sebagai kemungkinan yang saling berhubungan – saling melengkapi. Maksudnya, dengan mengetahui fenomena intratekstual, mungkin akan diketahui juga fenomena intertekstual. Bagaimanapun, perlu juga ditegaskan di sini bahawa perbincangan dalam makalah ini tidak mungkin mengemukakan ideologi yang universal dalam konteks karya di Malaysia kerana tidak semua pengarang menganut ideologi yang sama pada suatu masa yang sama. Ideologi yang dimaksudkan di sini hanya berupa interpretasi saya berdasarkan sejumlah contoh yang ditemui dalam karya bahasa Melayu, yang akhirnya saya namakan gaya tertentu (misalnya gaya vulgarisme dan *non-casual*) yang mewakili teks lain yang sealiran dengannya.

Gaya Vulgarisme

Tentang gaya dan ideologi karya bahasa Melayu pada akhir 50-an dan awal 60-an, Umar Junus (1989) dalam kajiannya terhadap karya A. Samad Said dan Shahnon Ahmad telah

mengemukakan konsep yang menarik untuk dilanjutkan perbincangan tentangnya, iaitu gaya vulgarisme. Apakah maksud vulgar? Secara sederhana 'vulgar' bermaksud kasar, biadap, kotor, sementara 'vulgarisme' merujuk kepada kata-kata yang kasar dan lucah. Contohnya:

(1) Dan seperti semalam juga, anak-anak kambing itu menyondol-nyondol susu ibunya yang tergayut memberat itu. Mereka berterusan sahaja kelaparan nampaknya! Di kaki mereka berselerakan dan melekat-lekat tahinya yang bulat-bulat kecil seperti biji makjun itu. Kebanyakan daripadanya masih bulat lagi. Tapi ada yang sudah leper-leper kerana dipijak berkali-kali oleh kambing-kambing itu sendiri.

(2) Anak itu menggelengkan-gelengkan kepalanya dan segera memegang koteknya bila Siti Salina merapatinya; kedua-dua belah tapak tangannya itu menyerkup koteknya kuat-kuat. "Nak kena potong kotek, tak?" Siti Salina mengulang lagi. Anak itu menggelengkan kepalanya sungguh-sungguh, dan memegang koteknya lebih kuat lagi.

(A. Samad Said, *Salina*)

(3) Salam masih ingat waktu anaknya Suman dilahirkan tujuh belas tahun yang lalu. Piah meraung kesakitan sepanjang malam. Subuh-subuh baru terdengar suara bayi menangis. Suman muncul dengan kepala berselaput putih hingga ke cuping telinga. Orang cepat tuduh Salam bapa buas. Kalau tak masakan boleh lendir putih-putih begitu tertempek di kepala anak. Salam bersabar juga kerana sayang pada kerja korek tahi kelawar. Piah kemudian desak supaya pindah. Duduk di Gunung pun tak kesudah. Tanah sekeping pun tak ada. Biar pergi jauh ke rimba pugar tanah baru. Akhir-akhir ada juga tanah sendiri walau sebesar cawat budak. Tiba di Terenas mujur Pat Yet sanggup buat hamba.

(Shanon Ahmad, *Seluang Menodak Baung*)

Yang menariknya tentang contoh di atas, keberanian pengarang menggunakan kata-kata yang *vulgar* – kotor dan menjijikkan, iaitu bercerita tentang kekotoran dan kemaluan. Gambaran pengarang pada contoh (1) sangat terperinci tentang bentuk tahi kambing (*bulat-bulat kecil*, *biji makjun*, *leper-leper*) sehingga menimbulkan kejijikan pada pembaca. Dalam contoh (2) pula pengarang bercerita tentang kemaluan, iaitu kotek kanak-kanak, yang sebenarnya tabu dibincangkan secara terbuka. Contoh (3) pula disampaikan secara sedikit *vulgar* (*lendir putih-putih*, *korek tahi kelawar*) dan banyak kata kerjanya tidak berimbuhan, misalnya *tuduh*, *korek*, *desak*, *pindah*, *buat*. Dengan ini dapat dirumuskan bahawa kedua-dua pengarang tersebut menggunakan gaya vulgarisme untuk menggambarkan kehidupan orang miskin. Ini merupakan gaya yang ditemui dalam teks, iaitu fenomena intratekstual yang menjawab interpretasi ideologi yang pertama. Gaya ini

dapat juga dihubungkan dengan fenomena intertekstual, iaitu perbandingan dengan teks-teks lain sebelumnya. Umum mengetahui bahawa tradisi sastera bahasa Melayu sangat dipengaruhi oleh gaya bahasa sopan – pengucapan atau perlukisan yang sopan dan indah-indah sahaja. Hal ini bersesuaian dengan dunia sopan yang diceritakan, iaitu golongan atasan atau golongan istana yang berasal dari tradisi hikayat. Gaya yang ditonjolkan oleh A. Samad Said dan Shanon ternyata bertentangan dengan tradisi hikayat. Gaya mereka lebih hampir dengan dunia sebenar, dunia tanpa keindahan. Dan gaya ini bersesuaian dengan aliran realisme pada zaman selepas perang dunia kedua, yang percaya bahawa karya sastera adalah gambaran tentang dunia realiti. Perbandingan dengan teks-teks sebelumnya telah menghasilkan ideologi yang kedua, iaitu fenomena intertekstual. Hal ini akan dihubungkan dengan kajian terhadap karya popular nanti bahawa karya popular memaparkan ideologi yang berbeza daripada karya serius.

Sebenarnya, A. Samad Said tidak berhenti menggambarkan sesuatu yang vulgar dengan *Salina*, malah ia melanjutkan gaya tersebut dalam karyanya yang lain, *Sungai Mengalir Lesu*.

(4) Dalim menyelam, kemudian timbul betul-betul pada kumpulan rezeki yang diharapkannya itu. Memang benar ada dua biji pisang, sebiji yang lisut masih belum terjamah, dan sebiji lagi sudah pun dimakan setengah entah oleh siapa. Sayangnya di tepi pisang dan potong kayu yang bersalut dengan tali guni dan sayur-sayur busuk itu terapung-apung pula tiga empat ketul tahi hitam yang panjang-panjang melengkung. Dalim meluikkan air yang berada di dalam mulutnya, lalu menjerit: “Babiiiiii!”

(A. Samad Said, *Sungai Mengalir Lesu*)

Gambaran pengarang tentang kemiskinan dan kesengsaraan hidup sangat menjijikkan. Kekotoran digambarkan melalui sungai pula, dengan melonggokkan kata-kata vulgar, *sayur-sayur busuk* dan *tiga empat ketul tahi hitam yang panjang-panjang melengkung*.

Gaya vulgarisme inilah yang disebut oleh Umar Junus (1985) sebagai ‘pemberontakan’, iaitu penyimpangan daripada tradisi sastera Melayu sebelumnya. ‘Pemberontakan’ ini dilakukan dengan sengaja oleh Shahnon, iaitu menggunakan gaya bahasa yang berbeza daripada tradisi sebelumnya, misalnya penghilangan imbuhan dan yang lebih ketara ialah penggunaan dialek dalam hampir keseluruhan naratifnya (Ainon Muhammad 1993). Lihat sahaja contoh yang berikut:

(5) Kata orang, dia *ceruh* perut kerana makan banyak sangat kerabu bunga kantan di rumah pengantin di kampung Bendang Man.

(6) Pelita *cetuk* terpasang malap-malap dan para pengunjung gamat *bergebang* di samping menghirup kopi panas dan mamah biskut *kapai* kering. Banyak benar tafsirannya yang dibuat. Banyak yang membuat kesimpulan bahawa Tuk Cik Teh telah berjuang dengan Pak Belang, telah *mengkeokkan* Pak Belang dengan kilasan kejut di tengkuk binatang buas itu.

(Shahnon Ahmad, *Detik-detik Diri di Daerah Daif*)

Berdasarkan contoh di atas, unsur dialek daerah ditulis dengan huruf condong (sila lihat Mohammad Fadzeli Jaafar, 2009). Dalam contoh (5), Shahnon menggunakan kata *ceruh* yang bermaksud perut yang memulas-mulas (atau semacam cirit-birit) disebabkan terlalu banyak makan kerabu bunga. Kata ini lebih sesuai digunakan berbanding dengan sakit perut kerana kata *ceruh* bersifat kedaerahan dan berjaya menggambarkan keadaan perut yang sangat sakit. Contoh berikutnya (6) menggunakan dialek daerah *cetuk* yang merujuk kepada pelita yang biasanya dipasang dengan jumlah yang agak banyak di hadapan atau di sekeliling rumah, khususnya pada waktu perayaan. Para pengunjung pula digambarkan sedang gamat *bergebang*, bagi maksud bersembang atau bercakap-cakap mengenai sesuatu perkara. Aktiviti *bergebang* ini diikuti oleh perbuatan menghirup kopi panas dan memamah biskut *kapai*. Tidak semua pembaca memahami maksud *kapai* kerana kata ini sangat kedaerahan bunyinya. Kata *kapai* disebut sebagai vokal /i/ pada suku kata terakhir untuk menggantikan konsonan /l/. Pemilihan kata *kapai* dalam konteks ini bersesuaian dengan peristiwa yang cuba digambarkan oleh pengarang. Orang-orang kampung sedang bersembang sambil menikmati kopi panas dan 'biskut kapai (kering)', yang biasanya dijamu pada waktu malam. Jamuan seperti ini dapat merancakkan lagi aktiviti *bergebang*. Dalam contoh yang sama, pengarang menggunakan kata *mengkeokkan* yang berasal daripada kata dasar *keok*. Kata ini ialah contoh onomatopia, iaitu bunyi yang biasanya dikaitkan dengan peniruan bunyi alam atau binatang. Dalam konteks ini, perbuatan *mengkeokkan* bermaksud mematahkan tengkuk Pak Belang – dalam perkataan lain Tuk Cik telah berjaya menewaskan harimau yang diikuti pula dengan kilasan *kejut*, iaitu perbuatan yang dilakukan secara tiba-tiba atau pantas pada bahagian tengkuk harimau tersebut. Berdasarkan contoh ini didapati bahawa Shahnon telah mengeksploitasi sejumlah dialek daerah dalam karyanya, dan kata-kata ini berjaya meninggalkan kesan yang amat baik

terhadap peristiwa yang ingin digambarkan.

Selanjutnya, berdasarkan analisis didapati bahawa gaya vulgarisme tidak tertumpu pada sesuatu yang kotor dan golongan miskin sahaja, malah turut melibatkan golongan kelas menengah, tetapi dengan gambaran yang erotis. Misalnya,

(7) Husni sedang mandi, dan Zakiah, walaupun sejuk dalam bilik berhawa dingin itu, sengaja cuba bercoli, membuatkan susu bengkaknya menambat eksekutif muda yang ternyata terlalu kurang berpengalaman. Sambil memerhati ke bawah, sengaja dia menggoyang-goyangkan ponggongnya yang hanya *berpanty* merah muda.
(A. Samad Said, *Langit Petang* 106-107)

Cerita dalam contoh (7) merujuk kepada watak Zakiah yang berbangga kerana dapat menundukkan ramai lelaki dengan kecantikannya. Digambarkan oleh pengarang secara erotis tentang kesengajaan Zakiah *bercoli* untuk memperlihatkan *susu bengkak*nya, dan sekadar *berpanty* merah muda. Perlukisan seperti ini mampu meninggalkan kesan erotis pada pihak pembaca.

Ternyata, karya sasterawan negara yang dibincangkan di sini yang tergolong sebagai karya serius memperlihatkan gaya vulgarisme dengan ciri yang tertentu, misalnya kotor, dialek dan lucah. Dengan mengambil latar desa, pengarang akan melukiskan sesuatu yang kotor, dan dipenuhi dengan dialek. Melalui latar kota pula, pengarang akan melukiskan sesuatu yang bersifat erotis. Rumusannya, jika karya yang dibincangkan di sini tergolong sebagai karya serius, maka karya serius adalah karya yang vulgar.

Gaya Kompleksiti

Karya serius juga dikaitkan dengan gaya penyampaian yang kompleks, bersesuaian dengan sifat karya jenis ini yang dianggap mempunyai nilai intelektual. Dalam kajian stilistik, gaya kompleksiti dapat dikesan berdasarkan penggunaan ayat yang kompleks. Dalam hal ini Leech dan Short (1991) menyatakan bahawa "…,seorang penulis akan menggunakan ayat kompleks jika dia ingin menyajikan suatu pemikiran yang kompleks, sehingga terjadi pengalaman pembacaan yang kompleks. Berdasarkan analisis, karya serius sering menggunakan pengulangan untuk mewujudkan suatu pembacaan yang kompleks. Misalnya:

(8) Melihat Ariff mencangkul di belakang rumah setiap pagi dan petang, dan melihatnya bersembang di madrasah selepas Isya', Hafiz sering bertanya: Apakah itu saja matlamat akhir hidupnya? Hafiz tidak nampak dia seriang ketika mencangkul dan bersembang. Untuk sihatkan badan, katanya, ketika mencangkul; dan untuk segarkan otak, katanya pula, bila bersembang. Tapi apakah dua matlamat itu saja yang penting bagi seorang yang pernah turut memperjuangkan kemerdekaan tanahair? Mencangkul dan bersembang? Hafiz menggeleng-geleng kepala. Jangan, jangan hidupkan soal perjuangan itu, kata Ariff, sungguh-sungguh kelihatan berbaur luka. Orang tidak berjuang lagi, tambahnya perit. Orang menangguk hasilnya saja. Hafiz terpegun lama.

(A. Samad Said, *Langit Petang*)

Dapat diperhatikan bahawa pengarang sengaja mengulang idea yang sama dalam ayat-ayat berikutnya.

(a) Melihat Ariff mencangkul di belakang rumah setiap pagi dan petang, dan melihatnya bersembang di madrasah selepas Isya', Hafiz sering bertanya: Apakah itu saja matlamat akhir hidupnya?
(b) Hafiz tidak nampak dia seriang ketika mencangkul dan bersembang.
(c) Untuk sihatkan badan, katanya, ketika mencangkul; dan untuk segarkan otak, katanya pula, bila bersembang.
(d) Mencangkul dan bersembang?

Idea yang diulang-ulang ialah mencangkul dan bersembang. Dalam konteks ini, pengarang turut menggunakan struktur yang hampir sama untuk contoh (a) dan (c). Contoh (a) menggunakan susunan Subjek (*Melihat Ariff*/*melihatnya*) + Kata kerja (*mencangkul*/*bersembang*) + Adverba (*di belakang rumah*/*di madrasah*). Contoh (c) pula menggunakan struktur menyongsang:

(c1) Untuk sihatkan badan, katanya, ketika mencangkul
(c2) Untuk segarkan otak, katanya bila bersembang
(c3) Katanya, untuk sihatkan badan, ketika mencangkul
(c4) Katanya, untuk segarkan otak, ketika bersembang

Bandingkan contoh (c1) dengan (c3), dan (c2) dengan (c4) yang disongsangkan strukturnya, tetapi sejajar dari segi susunannya. Gaya pembacaan menjadi sedikit rumit apabila pengarang menggunakan unsur *dan* dan adverba *ketika*/*bila* untuk membentuk ayat kompleks. Contoh (d) pula menggugurkan subjek, tetapi masih kompleks sifatnya kerana adanya unsur *dan* yang menandakan wujudnya dua klausa bebas.

Seterusnya, perhatikan contoh berikutnya, dengan gaya repitisi yang hampir sama, tetapi oleh pengarang yang berbeza.

(9) MATI HIDUP DAN SUSAH SENANG DIPEGANG OLEH TUHAN. Dipegang oleh Allah Azzawajalla. Ini pegangan Lahuma sekarang malah telah menjadi pegangan yang kukuh sejak datuknya Haji Debasa dulu lagi. Tapi bila Haji Debasa, datuknya, disimpan baik-baik dalam tanah, Lahuma meneruskan juga pegangan itu. Mati hidup dan susah senang dipegang oleh Tuhan. Dipegang oleh Allah Azzawajalla. Jeha juga serupa pegangannya. Dia cuma ikut lakinya saja. Dan ikutan itu bukan setakat buta-tuli semata, tapi Jeha pun ada pegangan juga. Dia percaya sungguh. Dia percaya sampai ke bulu-bulunya sekali. Mati hidup dan susah senang dipegang oleh Tuhan. Dipegang oleh Allah Azzawajalla. Kesenangan dan kebahagiaan diterima dengan penuh kesyukuran. Diterima dengan ucapan alhamdulillah seribu kali. Dan penderitaan serta malapetaka yang menimpa pun diterima juga dengan kesyukuran. Dengan ucapan Alhamdulillah seribu kali juga. Demikian Lahuma dengan bininya, Jeha.

(Shahnon Ahmad, *Ranjau Sepanjang Jalan*)

Berdasarkan contoh (9) di atas, dapat dikesan bahawa ada ayat yang diulang seluruhnya, satu persatu. Misalnya:

(e) MATI HIDUP DAN SUSAH SENANG DIPEGANG OLEH TUHAN. Dipegang oleh Allah Azzawajalla.

Contoh (e) telah diulang sebanyak tiga kali dan diikuti dengan keterangan yang berbeza. Pertamanya, pegangan tersebut ditujukan kepada Lahuma, keduanya untuk Jeha, dan ketiganya untuk kedua-dua watak tersebut, Lahuma dan Jeha. Malah pengarang turut mengulang frasa datuknya Haji Debasa, dan Haji Debasa, datuknya dalam perenggan kedua, tetapi dengan secara inversi. Perkataan yang paling banyak diulang ialah kata kerja dipegang (6 kali), dan kata nama pegangan (5 kali). Ternyata karya serius menerapkan gaya repetisi yang ketara untuk keseluruhan ayat atau sebahagiannya, selain menggunakan struktur inversi dan penggunaan kata penghubung atau adverba yang banyak sebagai salah satu cara untuk mewujudkan gaya pembacaan yang rumit. Karya serius oleh itu menonjolkan gaya kompleksiti, khususnya pada bahagian naratif.

Polemik Karya Popular

Terdapat beberapa ciri yang dilekatkan pada karya popular. Misalnya, adanya adegan seks yang keterlaluan, hero/heroin yang cantik, bertemakan percintaan dalam kalangan remaja,

tiada wawasan/gasasan pemikiran, teknik penceritaan yang mudah dan berakhir dengan gembira (*happy ending*). Saya kira semua yang disenaraikan di sini boleh juga ditemui dalam karya serius. Sebab itulah ada pengkritik sastera Melayu, misalnya Shahnon Ahmad dan Mohd. Affandi Hassan tidak percaya wujudnya batasan antara karya serius dengan karya popular. Malah Mohd. Afandi (2008) berpandangan bahawa karya serius lebih banyak memaparkan kutukan, makian, sumpah seranah dan sebagainya dalam penyampaian mereka. Karya popular sebaliknya dilihat lebih matang, bermoral dan mengutamakan kesopanan dari segi penyampaian. Dan dengan ini lebih layak dijadikan sebagai bahan bacaan untuk mengajar anak-anak muda tentang bersopan-santun. Shahnon Ahmad pula (2008) menyatakan bahawa karya popular (novel pop) amat ringan jaringannya, iaitu dari segi persoalan atau gaya penceritaannya – tiada sorotan yang mendalam tentang perwatakan atau pemikiran. Dari segi tema, karya (novel) popular umumnya mengungkapkan tema percintaan muda-mudi pelajar untuk bacaan popular Abdul Ahmad (1992). Makalah ini percaya bahawa kajian yang lebih lanjut wajar dilakukan untuk membuktikan kebenaran ciri karya popular yang disebutkan di sini. Makalah ini tidak berhajat untuk membincangkan polemik antara karya serius dan karya popular kerana yang lebih dipentingkan ialah memperlihatkan gaya atau ideologi yang ingin diketengahkan oleh pengarang yang dilabelkan sebagai pengarang karya popular. Secara lebih tepat lagi, makalah ini adalah percubaan untuk membezakan ideologi karya popular dengan karya serius berdasarkan aspek bahasa. Dalam hal ini, perbincangan akan dilakukan secara intratekstual dan intertekstual, sebagaimana yang dipaparkan dalam perbincangan di atas.

Analisis akan tertumpu pada karya Ahadiat Akashah, pengarang prolifik yang banyak menghasilkan karya yang bertemakan percintaan remaja, dengan jualan yang tinggi. Dilaporkan bahawa Ahadiat telah menghasilkan sejumlah 75 novel, dan tersenarai dalam *Malaysia Book of Records*. Maklumat ringkas ini memberi gambaran bahawa karya Ahadiat sangat popular dalam kalangan remaja di Malaysia, dan dengan ini karyanya tentunya ada ciri popular.

Gaya *Non-Casual*

Gaya *non-casual* merujuk kepada penggunaan bahasa yang tidak formal, termasuklah dialek, slanga dan kolokial. Berdasarkan analisis, makalah ini mendapati bahawa kecenderungan utama karya Ahadiat ialah menggunakan bahasa slanga, iaitu pemakaian bahasa dalam kalangan kelompok sosial yang tertentu, misalnya remaja. Bahasa slanga ini bersifat khusus, dan mungkin hanya difahami dalam kelompok penutur yang tertentu. Bentuk bahasa slanga adalah ringkas dan mudah. Misalnya:

(10) "Danial! Kasut aku mana?
"Kasut yang mana?"
"Lembaplah kau ni! Nike Air yang selalu aku letak atas meja ni! Mana?"
"Mana aku tau!" Danial *mencebik*. "Kasut dia aku pulak yang nak jaga!"
Danny mengetap bibir. "Oh…*kerek* ye!" Terus dia *meluku* kepala abangnya.
"*Adush*!" Danial mengertip menahan pedih di ubun-ubun kepalanya

(11) "Grr…engkau tolong aku ye! Aku nak gegar abang aku! Malam tadi abah aku panggil dia *sorang* je…mesti ada rahsia. Aku intai…aku Nampak abah aku bagi dia satu peti…aku nak tau apa isinya!"
Grrr angguk. "*Set*! Aku tak *de* hal. Kalau nak *debik* abang kau tu pun boleh!" dia tersengih merenung Danny.

(12) Grr angguk. Dia mula menggelabah. Dia merangkak bawah katil menyelinap dan mencari. Tiada. Dia menggodak pula almari. Pun tiada. Dia mengurai pakaian yang berselerak, mencari *kut-kut* ada peti kecil yang dimaksudkan. Pun *ilek pocik*. Mana ni? Grr garu kepala. "Tak delah!"

(Ahadiat, *Awek Cun*)

(13) "Kau gila" Jem menggeleng. "*This is no woman business*! Tak *ble*…tak *ble*!" Jem geleng.

(Ahadiat, *Hoorey*!)

Dapat diperhatikan bahawa pengarang mencuba untuk menggambarkan realiti berbahasa dalam kalangan remaja kini. Penggunaan slanga ditemui dalam hampir keseluruhan cerita. Dan yang lebih menarik slanga digunakan dalam bahagian dialog dan naratif. Hal ini ada persamaannya dengan Shahnon Ahmad yang menggunakan dialek dalam keseluruhan ceritanya, dialog dan naratif. Jika hal ini dapat dianggap gaya, maka karya popular juga sebenarnya cuba menyimpang atau 'memberontak' daripada tradisi sebelumnya, dengan mengangkat bahasa slanga secara total dalam karya sastera Melayu. Dapat diperhatikan dalam contoh di atas, pengarang menggunakan sejumlah leksikal yang berbentuk slanga,

misalnya *kerek*, *set*, *debik* dan *ilek pocik*. Berdasarkan konteks, kata *kerek* bermaksud degil/tidak menurut kata. Kata *set* pula bermaksud setuju. Manakala *debik* berasal daripada bunyi orang menepuk atau menampar, dan dalam konteks ini bermaksud menumbuk/memukul. Kata *ilek pocik* pula diambil daripada bahasa Tamil yang merujuk kepada tiada. Kesemua kata yang dibincangkan di sini ada gaya slanga kerana bersifat khusus, dan digunakan oleh kelompok yang tertentu sahaja, misalnya remaja. Kata-kata lain misalnya *mencebik* dan *meluku* bersesuaian dengan watak remaja yang berumur 15 tahun, iaitu gaya bahasa keanak-anakan. Malah kata *Adush* turut ada ciri keanak-anakan. Penggunaan slanga dalam karya popular ini bersesuaian dengan kelompok sasaran pembacanya, iaitu remaja. Kelompok ini menggemari sesuatu yang ringkas dan mudah – gaya *non-casual* yang tidak kompleks. Karya serius sebaliknya berbeza kerana mementingkan perincian dalam menggambarkan sesuatu tindakan atau peristiwa. Misalnya, perlukisan A. Samad Said tentang sesuatu kekotoran sangat terperinci sehingga menimbulkan kejijikan kepada pembaca.

Pengarang juga menggunakan gaya kolokial, iaitu bahasa percakapan atau basahan. Misalnya, *tak ble* merupakan singkatan daripada *tidak boleh*. Yang menariknya kata *ble* ini menggabungkan dua suku kata *bo* dan *leh* menjadi satu suku kata *ble*. Penyingkatan kata seperti ini turut terjadi pada kata *de*, daripada *ada*, *kut-kut* daripada *takut-takut* dan *sorang* daripada *seorang*. Kata-kata yang dibincangkan ini menghampiri gaya percakapan seharian yang bersifat ringkas. Bentuk penyingkatan kata sangat dominan dalam karya Ahadiat, iaitu melibatkan pelbagai kelas kata, misalnya kata bantu, kata adjektif, kata bilangan, kata sendi, kata tunjuk dan juga kata kerja. Misalnya:

(14) "Betul tu! Nanti kerja kita asyik *lap* air mata diorang aje…"

(15) "Sabarlah! Kejap lagi sampailah *kat* pekan. Tak jauh lagi dah!" Burn jawab main *bantai* aje. Dia sendiri tak pasti di mana pulau terdekat. *Nyesal* jugak ikut Si Jem~! Dia sendiri tak pernah dengar tentang Pulau Ixora! *Gile*!
"Dah dekat ke Jem?" Kamila *sengih*. "Agak-agak…setengah jam lagi boleh sampai tak—"
"Besok baru sampai! Jauh lagi!" Jem geram. Memekak aje! *Tulah*…orang kata jangan ikut…gatal nak pergi! *Nyusahkan* orang aje!"

(Ahadiat, *Hoorey*!)

Bagi kata kerja, pengarang tidak menggunakan sebarang imbuhan yang sesuai, misalnya *lap* (mengelap), *nyesal* (menyesal), *sengih* (tersengih), *nyusahkan* (menyusahkan). Ditemui juga kata sendi *dekat* yang disingkatkan menjadi *kat* sahaja, sementara kata tunjuk *itulah* menjadi *tulah*. Kata *gile* (gila) pula mengalami perubahan bunyi mengikut gaya percakapan, dan kata *bantai* sangat kolokial gaya penyampaiannya. Kesemua gaya yang dibincangkan di sini, gaya slanga, kolokial dan penyingkatan kata mengesahkan bahawa karya popular menonjolkan gaya *non-casual*, iaitu gaya yang menghampiri percakapan sebenar dalam kalangan remaja.

Gaya Simpleksiti

Karya popular tidak terkecuali menggunakan gaya repetisi dalam bahagian naratif, sebagaimana karya popular. Misalnya:

(16) Sumpah tak dengar. Danny tak dengar. Danial pun tak dengar. Agaknya kecoh sangat pergaduhan mereka sebentar tadi sehingga Amier panggil Danial tak seorang pun yang dengar.

(Ahadiat, *Awek Cun*)

Repetisi dalam contoh (16) menggunakan gaya kesejajaran. Yang membezakan strukturnya ialah bahagian subjek.

(e) Sumpah tak dengar.
(f) Danny tak dengar.
(g) Danial pun tak dengar.

Bezanya dengan karya serius ialah pengarang karya popular menggunakan ayat selapis. Kesannya tidak wujud gaya pembacaan yang rumit kerana disampaikan dengan cara yang bersahaja. Gaya seperti ini dapat dilakukan secara konsisten. Misalnya, dipetik kembali contoh (12) di atas.

(17) Grr angguk.(1) Dia mula menggelabah.(2) Dia merangkak bawah katil menyelinap dan mencari.(3) Tiada.(4) Dia menggodak pula almari.(5) Pun tiada.(6) Dia mengurai pakaian yang berselerak, mencari *kut-kut* ada peti kecil yang dimaksudkan.(7) Pun *ilek pocik*.(8) Mana ni? (9) Grr garu kepala. (10) "Tak delah!"

(Ahadiat, *Awek Cun*)

Terdapat 10 ayat dalam contoh (17) di atas. Sejumlah 8 ayat merupakan ayat selapis, kecuali ayat (3) dan (7) yang sedikit kompleks, dengan masing-masing terdiri dari 2 klausa. Kesan penggunaan ayat selapis ialah peristiwa yang digambarkan oleh pengarang berlangsung dengan cepat. Proses mencari sesuatu mengikut urutan yang logik, dengan kesan yang dramatik dari satu langkah ke satu langkah. Misalnya, bermula dengan watak Grr *angguk – menggelabah – merangkak – mencari – menggodak – mengurai – mencari*. Gaya seperti ini tidak menimbulkan gaya pembacaan yang rumit. Memandangkan watak Grr tidak berjaya menemui barang dicarinya, maka pengarang mengakhirinya dengan ujaran klimaks "Tak delah!" Dalam masa yang sama, pengarang turut menggunakan gaya pengulangan *Tiada – Pun tiada – Pun ilek pocik*, untuk menunjukkan kesan yang dramatik dan mengesahkan bahawa barang yang dicari memang tiada. Gaya penyampaian yang bersahaja sangat dirasai, ringkas dan mudah. Dengan ini karya popular menonjolkan gaya simpleksiti, berbeza dengan karya serius yang ada ciri kompleksiti.

Kesimpulan

Karya popular menggambarkan dunia moden yang bertentangan dengan karya serius yang lebih tertumpu pada dunia tradisi Melayu – latar kekampungan. Perbezaan ini membayangkan bahawa karya popular ada gaya moden, sementara karya serius ada gaya tradisi. Gaya moden berbeza daripada gaya tradisi kerana menonjolkan bahasa slanga, kolokial dan penyingkatan kata. Gejala ini ditemui dalam karya popular. Dengan ini fenomena intratekstual dalam karya popular ialah penggunaan gaya non-casual. Karya popular juga tidak bersifat vulgar, jika dibandingkan dengan karya serius. Sebaliknya, gaya popular lebih menonjolkan bentuk sinkop (*syncope*) – bentuk singkatan. Bentuk sinkop bersesuaian dengan sifat karya popular yang disasarkan pada golongan remaja yang gemar pada sesuatu (kata) yang ringkas dan *non-casual*. Dari segi pembacaan pula, ternyata, kedua-dua jenis karya serius dan popular ada menggunakan gaya repetisi, kesejajaran dan inversi. Bagaimanapun, makalah ini telah memperlihatkan bahawa karya serius lebih rumit gaya penyampaiannya kerana banyak mengulang keseluruhan/sebahagian ayat atau kata yang sama, dengan struktur ayat yang kompleks. Karya popular sebaliknya sangat sederhana gaya penyampaiannya, dengan struktur ayat yang mudah.

Rujukan

Ainon Muhammad. 1993. Unsur dialek dalam karya prosa: penyelidikan dan pendidikan. Dalam Farid M. Onn & Ajid Che Kob. 1993. *Simposium Dialek: Penyelidikan dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Ahmad. 1992: *Kajian Motif Cerpen-cerpen Dewan Siswa 1983-1989*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Leech, G.N. & Short, M.H. 1993: *Style in Fiction*. London: Longman.

Mohammad Fadzeli Jaafar. 2009. Ragam bahasa dalam teks sastera Melayu: persoalan gaya. *Prosiding Seminar Kebangsaan Linguistik (SKALi09)***.** 10-11 Mac 2009.

Mohd Afandi Hasan. 2008. Karya sastera picisan pun bermutu. *Utusan Malaysia*. Sanger, K. 1998: *The Language of Fiction*. London: Routledge.

Shahnon Ahmad. Novel pop bukan kitsch, bukan erotis bukan picis. *Dewan Sastera*. Januari 2008.

Umar Junus. 1985: *Dari Kata Ke Ideologi: Persoalan Stilistik Melayu*. Petaling Jaya. Fajar Bakti.

Umar Junus. 1989: *Stilistik: Satu Pengantar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Teks kajian

A. Samad Said. *Salina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

A. Samad Said. 1982: *Langit Petang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

A. Samad Said. 1987: *Sungai Mengalir Lesu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahadiat Akashah. 1998: *Awek Cun*. Kuala Lumpur: Victory Enterprise.

Ahadiat Akashah. 2001: *Hoorey*! Kuala Lumpur: Victory Enterprise.

Shahnon Ahmad. 1978: *Seluang Menodak Baung*. Kuala Lumpur: Heinemann.

Shahnon Ahmad. 1983: *Ranjau Sepanjang Jalan*. Kuala Lumpur: Teks Publishing.

Shahnon Ahmad. 1991: *Detik-detik Diri di Daerah Daif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.